

NO. SOALAN: 112

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

RUJUKAN : 10672

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara tentu tahap masa seorang pemohon perlu menunggu untuk permohonan kewarganegaraan dari masa memohon sehingga masa Kementerian Dalam Negeri membalas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pertimbangan bagi setiap permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah berdasarkan peruntukan perundangan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan dan beban untuk membuktikan kelayakan dianugerahkan kewarganegaraan adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa taraf kewarganegaraan Malaysia adalah merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Sehubungan dengan itu, setiap peringkat pemprosesan, pertimbangan dan keputusan dibuat dengan teliti dan menyeluruh. Para pemohon akan dimaklumkan secara bersurat sebaik sahaja keputusan tersebut dikeluarkan.

NO. SOALAN: 113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

RUJUKAN : 10673

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan yang masih belum dibalas oleh Kementerian Dalam Negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2015 hingga 2017, terdapat sebanyak 37,475 permohonan kewarganegaraan yang masih dalam pertimbangan, selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.